



A Prudential plc company

WHOLESALE SUKUK FUND MAC 2026



SEMUA DATA ADALAH SETAKAT 28 FEBRUARI 2026
KECUALI DINYATAKAN SELAINNYA

MAKLUMAT DANA

Tarikh Pelancaran: 27 Mac 2020
Kategori Dana/Jenis Dana: Sukuk/pendapatan
Saiz Dana: RM173,243,022.81
Harga Tawaran Permulaan: RM1.0000
NAB per Unit: RM1.0682
Skim Pelaburan KWSP: Tiada
No ISIN: MYU940000CL4

FI, CAJ AND PERBELANJAAN

Fi Pengurusan Tahunan:
Sehingga 0.50% daripada NAB setahun
Fi Tahunan Pemegang Amanah:
NAB Dana sehingga RM2 bilion: 0.03% daripada NAB Dana setahun tertakluk kepada minimum RM15,000 setahun (tidak termasuk yuran dan caj penjaga asing)
NAB Dana melebihi RM 2 bilion: 0.015% daripada NAB Dana setahun tertakluk kepada minimum RM15,000 setahun (tidak termasuk yuran dan caj penjaga asing)
Caj Jualan: Tiada
Caj Jualan Balik: Tiada
Tempoh Pembayaran Jualan Balik:
Tujuh (7) hari bekerja

BUTIRAN TRANSAKSI

Pelaburan Permulaan Minimum:
Jumlah sekaligus: RM1 million*
Pelaburan berkala: Tidak tersedia
Pelaburan Tambahan Minimum:
Jumlah sekaligus: RM1 million*
*Pengurus berhak untuk meminda jumlah minimum yang ditetapkan di atas dari semasa ke semasa

PENGAGIHAN

Polisi Agihan Pendapatan:
Tertakluk kepada ketersediaan pendapatan, agihan pendapatan akan diisytiharkan pada setiap suku tahun

NAB Dana:	NAB	Tarikh
52-Minggu Tinggi	1.0681	27-02-2026
52-Minggu Rendah	1.0278	03-03-2025

PENGURUS DANA

Pengurus Pelaburan Luar
- Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

Eastspring Investments Berhad 200001028634 (531241-U)
Level 22, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur
Tel: 603 - 2778 3888

E-mail: cs.my@eastspring.com
Web: www.eastspring.com/my


OBJEKTIF DANA

Dana ini bertujuan untuk menyediakan aliran pendapatan tetap* dan pertumbuhan modal dalam jangka sederhana hingga panjang**.

* Pendapatan yang diagihkan kepada pemegang unit akan dilaburkan semula ke dalam unit tambahan melainkan pemegang unit memilih untuk agihan itu dibayar.

** "jangka sederhana hingga panjang" dalam konteks ini merujuk kepada tempoh antara 3-5 tahun.

PERUNTUKAN ASET*



* sebagai peratusan NAB.


PEGANGAN UTAMA*

1. Kerajaan Malaysia	33.21%	4. Prasarana Malaysia Berhad	6.26%
2. Malaysia Rail Link Sdn Bhd	7.48%	5. MKD Kencana Sdn Bhd	6.20%
3. Turus Pesawat Sdn Bhd	7.12%		

* sebagai peratusan NAB.

PEGANGAN UTAMA*

Eastspring Investments Wholesale Sukuk Fund - Pulangan Sejak Dimulakan (SI) berbanding Penanda Aras



Prestasi dikira berdasarkan NAB-ke-NAB dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula.

Sumber: Lipper for Investment Management. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

JADUAL PRESTASI

	1 bulan	6 bulan	YTD	1 tahun	3 tahun	5 tahun	10 tahun	Sejak Permulaan
Dana	0.25%	0.93%	0.41%	3.94%	-41.23%	9.19%	n.a.	11.10%
Penanda Aras *	0.14%	0.90%	0.28%	1.96%	7.17%	10.98%	n.a.	12.53%

* Maybank 1-month Islamic Fixed Deposit-i
Prestasi dana dan kedudukan Lipper diperoleh daripada Lipper for Investment Management dan penanda aras adalah daripada www.maybank2u.com.my, 28 Februari 2026. Prestasi dikira berdasarkan Nilai Aset Bersih ("NAB") kepada asas NAB dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

PENILAIAN LIPPER LEADER (KESELURUHAN)

Jumlah Pulangan	Pulangan Konsisten	Pemeliharaan	Penanda Taraf Lipper Leaders
①	①	①	Terendah ① Tertinggi ⑤

Sistem Penilaian Lipper Leaders ialah satu sistem penarafan yang membimbing pelabur dan penasihat mereka untuk memilih dana yang sesuai dengan gaya dan matlamat pelaburan individu. Ia menggunakan kriteria berpaksikan pelabur untuk menyampaikan penerangan yang ringkas lagi jelas tentang kejayaan dana memenuhi matlamat tertentu, seperti memelihara modal atau membina kekayaan melalui pulangan kukuh yang konsisten.

Penarafan Lipper Leader diperoleh daripada formula yang sangat canggih, yang menganalisis dana berdasarkan ketelusan kriteria. Setiap dana ditarafkan berbanding saham setaranya berdasarkan metrik yang digunakan (seperti Jumlah Pulangan atau Perbelanjaan), dan kemudian 20% dana teratas dalam penarafan tersebut menerima penetapan Lipper Leader. Pendekatan Lipper Leaders tidak meramalkan prestasi masa depan, tetapi ia menyediakan konteks dan perspektif untuk membuat keputusan pelaburan dana berdasarkan pengetahuan.



A Prudential plc company

WHOLESALE SUKUK FUND MAC 2026

SEMUA DATA ADALAH SETAKAT 28 FEBRUARI 2026
KECUALI DINYATAKAN SELAINNYA

ULASAN PENGURUS DANA

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 6.3% dalam 4Q2025 (3Q2025: 5.4%), didorong terutamanya oleh permintaan domestik yang ampuh. Bagi setahun penuh 2025, pertumbuhan mencapai 5.3%, disokong oleh aktiviti domestik yang berdaya tahan dan eksport yang menggalakkan. Pada bulan Januari, inflasi keseluruhan dan teras masing-masing tidak berubah pada 1.6% dan 2.3%, manakala kadar pengangguran 2.9% pada bulan Disember tidak berubah. Rizab antarabangsa BNM berjumlah USD128.3 bilion pada 27 Februari 2026 (30 Jan 2026: USD126.9 bilion). Kedudukan rizab ini mencukupi untuk membiayai 4.7 bulan import dan merupakan 0.9x daripada jumlah hutang luar negara jangka pendek. Sementara itu, Ringgit menokok 1.3% MoM berbanding USD, ditutup pada 3.893 di akhir Februari (Jan: 3.945), disokong oleh asas ekonomi yang kukuh.

CIRI-CIRI PORTFOLIO SETAKAT 28 FEBRUARI 2026

	Nilai
Purata Tempoh (tahun)	3.65
Purata Hasil hingga Matang (%)	3.32

MAKLUMAT LAIN MENGENAI DANA

Tahun	2021	2022	2023	2024	2025
Prestasi Tahunan Dana (%)	-0.55	1.29	3.11	-	3.98
Prestasi Tahunan Penanda Aras (%)	1.50	1.86	2.60	2.47	2.05
Tarikh/Agihan (RM)	30 Sept, 0.004 30 Dis, 0.0100	30 Jun, 0.0025 9 Dis, 0.0086	-	-	-
Hasil Agihan (%)	0.40 1.00	0.26 0.86	-	-	-

Sumber: Agihan dan Hasil Agihan diperoleh daripada Laporan Tahunan dana. Dana dan Penanda Aras bagi tahun semasa adalah berdasarkan angka Sejak Awal Tahun Sehingga Kini (YTD) yang diperoleh daripada Lipper for Investment Management. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

MAKLUMAT PENTING

Berdasarkan pulangan portfolio Dana setakat 28 Februari 2026, Faktor Kemeruapan (VF) Dana ini ialah 1.2 dan diklasifikasikan sebagai "Sangat Rendah" (Sumber: Lipper). "Sangat Rendah" secara amnya termasuk dana dengan VF yang lebih tinggi daripada 0.000 tetapi tidak lebih daripada 4.245. VF bermakna terdapat kemungkinan Dana akan menjana pulangan menaik atau pulangan menurun di sekitar VF ini. Kelas Kemeruapan (VC) diberikan oleh Lipper berdasarkan tahap kuintil VF ke atas dana yang layak. VF tertakluk kepada semakan bulanan. VF Dana mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada VC, bergantung pada keadaan pasaran. Portfolio Dana mungkin telah berubah sejak tarikh ini dan tiada jaminan bahawa Dana akan terus mempunyai VF atau VC yang sama pada masa hadapan. Pada masa ini, hanya dana yang dilancarkan di pasaran untuk sekurang-kurangnya 36 bulan akan memaparkan VF dan VCnya.

Pelabur dinasihatkan membaca dan memahami kandungan Information Memorandum Eastspring Investments Wholesale Sukuk Fund ("Dana" bertarikh 27 Mac 2020, First Supplementary Information Memorandum Dana bertarikh 10 Julai 2020, Second Supplementary Information Memorandum Dana bertarikh 8 Oktober 2021, Third Supplementary Information Memorandum Dana bertarikh 29 Ogos 2022, Fourth Supplementary Information Memorandum Dana bertarikh 8 Mei 2023, Fifth Supplementary Information Memorandum Dana bertarikh 1 November 2023 (secara kolektif, "Info Memo" serta Product Highlights Sheet ("PHS" Dana sebelum melabur. Info Memo dan PHS boleh didapati di pejabat Eastspring Investments Berhad atau pengedar sahnya dan pelabur mempunyai hak untuk meminta salinan Info Memo dan PHS.

Iklan ini belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC". Info Memo telah diserahkan kepada SC yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya. Penyerahan Info Memo kepada SC tidak bermakna atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengendors produk tersebut. Unit hanya akan dikeluarkan setelah borang permohonan diterima. Prestasi lampau Dana bukanlah petunjuk prestasi masa hadapan Dana. Harga unit dan agihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun dan juga naik. Apabila pecahan/agihan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa susulan pengeluaran unit tambahan/agihan, Nilai Aset Bersih ("NAB" seunit akan dikurangkan daripada NAB pra-pecahan unit/merangkap NAB agihan kepada NAB pasca-pecahan unit/NAB selepas pengagihan. Apabila pecahan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa nilai pelaburan mereka dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas terbitan unit tambahan. Pelaburan dalam Dana terdedah kepada risiko kredit atau mungkir, risiko rakan niaga, risiko kadar faedah, risiko pengagihan pendapatan dan risiko pengelasan semula status Syariah. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko ini dan risiko am lain seperti yang diuraikan dalam Info Memo serta yuran, caj dan perbelanjaan yang terlibat sebelum melabur. Pelabur juga mungkin ingin mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional sebelum membuat komitmen untuk melabur dalam unit mana-mana dana kami.

Eastspring Investments ("Eastspring" ialah anak syarikat milik penuh Prudential plc. Prudential plc, diperbadankan dan didaftarkan di England dan Wales. Pejabat berdaftar: 5th Floor, 10 Old Bailey, London, EC4M 7NG, UK. Nombor berdaftar 1397169. Prudential plc ialah syarikat induk, dengan beberapa anak syarikatnya diberi kuasa dan dikawal, mengikut mana yang berkenaan, oleh Pihak Berkuasa Insurans Hong Kong dan pihak berkuasa kawal selia yang lain. Prudential plc tidak bergabung dalam apa jua cara dengan Prudential Financial, Inc., sebuah syarikat yang tempat perniagaan utamanya adalah di Amerika Syarikat atau dengan Prudential Assurance Company Limited, anak syarikat M&G plc, sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom.